

Banjir najis lembu

>>Oleh Saipul Adli Mohamad, Mary Victoria Dass, Mohd Roji Abdullah dan Palman Selamat

JOHOR BAHRU: "Air banjir yang kami terpaksa redah bukan biasa, tapi bercampur najis lembu hingga keseluruhan kediaman kuarters penduduk tercemar," kata seorang jurutera yang menjadi mangsa banjir di Kuarters Jabatan Kerja Raya (JKR) Elektrik Batu 10, Skudai, di sini, semalam.

Kamaruzaman Kasimin, 34, berkata penghuni mengalami nasib malang seperti mangsa banjir lain di negeri ini kerana terpaksa mengharungi banjir kali ketiga dalam tempoh kurang tiga minggu.

Katanya, lebih memburukkan keadaan, penghuni bukan sahaja kerosakan pelbagai harta benda, malah terpaksa mengharungi suasana menjijikkan berikutan dilanda banjir najis lembu.

"Banjir yang melanda penempatan ini menyebabkan air najis dari ladang ternakan lembu di kawasan lebih tinggi

iaitu kira-kira 10 meter dari kuarters mengalir ke sini.

"Setiap kali banjir, kami tak dapat menahan bau busuk yang meloyakan. Tambahan pula, kuarters kami mempunyai kesan najis berkenaan sehingga terpaksa dibersihkan berkali-kali selepas banjir surut," katanya.

Kamaruzaman berkata, sembilan keluarga mengandungi 37 penghuni kini terpaksa berpindah sementara ke Dewan JKR bersebelahan kuarters itu.

Berikutan banjir itu, setiap keluarga dianggarkan menanggung kerugian RM3,000 akibat rosak harta benda.

"Kami terpaksa melupuskan semua barang rosak akibat banjir najis berkenaan termasuk baju sekolah anak-anak, peralatan persekolahan seperti buku teks mahupun perabot.

"Bagaimanapun, kami bersyukur dapat menyelamatkan semua ahli keluarga tanpa sebarang kejadian tidak diingini dalam banjir berkenaan," katanya.

Sementara itu, seorang



TENGGELAM...Kampung Laut, Skudai yang ditenggelami banjir, semalam.

guru, Khadijah Jamil, 33, berkata banjir yang kerap melanda penempatan itu sejak akhir tahun lalu menyebabkan penghuni menjalani kehidupan serba kekurangan.

Katanya, ia secara tidak langsung menjejaskan tugas

mereka yang kebanyakannya bekerja di Pejabat JKR di Kebun Teh.

"Sejak 19 Disember lalu, iaitu kejadian paling buruk melanda penempatan berkenaan, kami trauma setiap kali hujan lebat sehingga tidak dapat memberi tumpuan ke

pada tugas.

"Kami makin bimbang nasib penduduk kuarters ini yang terpaksa menempuh banjir najis dan khawatir keadaan terbabit akan mengundang masalah kesihatan kepada penduduk pada masa depan," katanya.

>Hujan hingga Isnin

KUALA LUMPUR: Keadaan banjir di Johor dijangka lebih buruk berikutan amaran Jabatan Meteorologi Malaysia hujan di negeri itu sejak kelmarin, berterusan sehingga Isnin ini.

Menurut jabatan berkenaan, hujan sederhana lebat itu yang berpunca daripada Monsun Timut Laut di Laut China Selatan yang masih aktif akan turut melanda Pahang Tenggara serta menyebabkan hujan sederhana di Negeri Sembilan, Melaka, Terengganu dan Pahang Utara.

Selain itu, Monsun Timur Laut turut menyebabkan hujan sederhana lebat di Sabah terutama di Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan pedalaman, manakala Sarawak di kawasan Kuching, Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Mukah, Sibuan dan Limbang, sehingga Isnin.

20,349 dipindah

JOHOR BAHRU: Berikutan hujan tidak berhenti sejak 48 jam lalu, Johor sekali lagi dilanda banjir besar dalam tempoh tidak sampai sebulan menyebabkan 20,349 mangsa dari tujuh daerah terpaksa dipindahkan.

Kecuali Muar, banjir kedua seperti yang diramalkan sebelum ini, menyebabkan keadaan kelam-kabut di pusat bandar raya apabila Wisma Persekutuan dinaiki air sedalam lebih dua meter menyebabkan Jalan Air Molek terputus hubungan bermula kira-kira jam 7 pagi dan beratus-ratus kakitangan awam terkandas di jalan akibat kesesakan lalu lintas.

Malah, sebahagian besar orang ramai dan kakitangan yang berurusan di wisma berkenaan turut terperangkap selama kira-kira empat hingga lima jam.

Keadaan ini berbeza dibandingkan Rabu lalu, yang menyaksikan hanya daerah Batu Pahat masih ditenggelami air dengan jumlah mangsa banjir tidak sampai 700 orang.

Fenomena air laut pasang juga menyebabkan banjir berlaku begitu pantas dengan air naik ke paras lebih dua meter tidak sampai 10 minit menyebabkan ramai penduduk tidak sempat menyelamatkan barangan masing-masing.

Sehingga jam 8 malam tadi, seramai 20,349 mangsa membabitkan 4,489 keluarga dipindahkan di 129 pusat pemindahan di tujuh daerah, kecuali Muar.